


JAKMAS Kolej Kediaman 1Borneo anjur program Solat Hajat Imtihan Perdana dan Motivasi 1.0

10 27.02.2015



KOTA KINABALU: JAKMAS Kolej Kediaman 1 Borneo, Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini menganjurkan program Solat Hajat Imtihan Perdana dan Motivasi 1.0.

Program ini dijalankan bertujuan sebagai suatu usaha bagi memohon bantuan daripada Allah Swt khususnya



HADIR: Antara pelajar yang menjayakan sesi tazkirah.


nya di dalam menyiapkan diri menjelang peperiksaan akhir semester.

Menurut Pengarah Program Asyikin Asri, pro-

gram ini memberi ruang khususnya kepada pelajar dan barisan pengurusan Kolej Kediaman 1 Borneo bersama-sama untuk

beribadah seterusnya membentuk ikatan ukhuwah yang baik di antara satu sama lain.

Pelajar juga berkesem-



TAZKIRAH: Sesi tazkirah yang dijalankan dalam program berkenaan.

patan memohon kemaafan sesama mereka. Di antara pengisian yang dijalankan pada malam itu antaranya solat Maghrib dan Isyak

Berjemaah, bacaan Yaasin, Sesi Tazkirah dan Solat Hajat.

Majlis ini dihadiri oleh Pengetua Kolej Kediaman

1 Borneo Wijaya Kamal Ramlan berserta barisan pengurusan, JAKMAS dan pelajar Kolej Kediaman termasuklah pelajar UMS.